

'Najib tak benarkan AS\$3 bilion dibawa pulang dari Switzerland'

Saksi dakwa ada permintaan guna dana untuk syarikat tetapi ditolak bekas PM

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberitahu Mahkamah Tinggi semalam, bahawa Datuk Seri Najib Razak, tidak membenarkan dana AS\$3 bilion milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Switzerland dibawa pulang ke

Malaysia pada 2013.

Nur Aida Arifin yang juga penyiasat kes 1MDB dan saksi pendakwaan ke-49 berkata, perkara itu disahkan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Mohd Hazem Abdul Rahman.

“Mohd Hazem selaku CEO 1MDB dan Ahli Lembaga Pengarah (BOD) 1MDB Global Investment Ltd (1MDB-GIL) tidak mempunyai akses dan kawalan ke atas dana diterbitkan daripada bon.

“Beliau beberapa kali membuat permintaan kepada Najib untuk membawa pulang dana itu bagi membiayai keperluan syarikat 1MDB, namun (ahli perniagaan dalam buruan) Low Taek Jho atau Jho Low, menyampaikan arahan bahawa ia tidak boleh dibawa pulang kerana ia untuk kegunaan dana pilihan raya UMNO.

“Mohd Hazem pernah memaklumkan perkara ini kepada (Ketua Setiausaha Sulit Najib ketika itu), Datuk Azlin Alias dan Pengerusi 1MDB, Tan Sri Lodin (Wok Kamaruddin) untuk memanjangkannya kepada Najib, namun bekas Perdana Menteri itu tidak membenarkan dana berkenaan dibawa pulang dan tiada sebab yang jelas diberikan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membaca pernyataan saksi di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah.

Najib, 71, yang juga bekas Menteri Kewangan berdepan empat pertuduhan menggunakan kedudukannya mendapat-



Najib Kazak

kan suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Mengenai perincian dana itu, Nur Aida berkata, pada 19 Mac 2013, wang terbitan nota

AS\$3 bilion dimuktamadkan dan dipindahkan ke dalam akaun 1MDB-GIL di BSISA, Lugano, Switzerland dengan jumlah AS\$2.721 bilion.

Jumlah dimasukkan ke dalam akaun adalah kurang daripada jumlah sebenar selepas ditolak caj perkhidmatan yang dikenakan Goldman Sachs.

Akaun berkenaan dibuka di BSI Lugano pada 11 Mac 2013.

“Pada 13 Mac 2013, Mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan Najib bersetuju supaya kerajaan melalui Kementerian Kewangan mengeluarkan surat sokongan terhadap terbitan dana AS\$3 bilion.

“Pada 14 Mac 2013, Najib selaku Menteri Kewangan menandatangani surat sokongan kepada 1MDB untuk pinjaman berjumlah AS\$3 bilion dengan Goldman Sachs bagi mengadakan perjanjian usaha sama dengan pihak Aabar PJS,” katanya.

Bagaimanapun, keterangan saksi berhubung dana itu dibantah peguam bela Najib, Tania Schivetti, atas alasan ia adalah *hearsay* atau bersifat dengar cakap, sebelum hakim merekodkan bantahan berkenaan.